



# Tatakelakuan Renjer

Tatakelakuan Renjer baharu yang menggalakkan profesionalisme, kerjasama, dan kepimpinan untuk pemuliharaan yang lebih efektif dan adil

Versi 1.0



## Objektif

Kerjaya renjer memerlukan prinsip yang kukuh untuk membimbing tingkah laku dan memprofesionalkan tenaga kerja renjer. Dokumen ini memberi definisi biasa bagi seorang renjer dan templat yang berfungsi untuk nilai-nilai dan tatakelakuan renjer. Ini merupakan permintaan yang jelas dalam Kongres Renjer Dunia.

## Kegunaan yang Dicadangkan

Tatakelakuan dan Nilai Renjer adalah dokumen aspirasi yang harus menginspirasi renjer. Tujuannya adalah supaya renjer berusaha untuk mendukung nilai-nilai ini dan mematuhi Tatakelakuan ini.

Tujuannya adalah supaya Tatakelakuan dan Nilai ini diterapkan dan dilaksanakan oleh kumpulan dan institusi renjer, dengan dokumen yang diubah suai seperti yang diperlukan dengan konteks setempat. Templat ini merupakan sumber panduan, memberi prinsip utama kepada kumpulan yang ingin membentuk piawaian mereka sendiri. Ia bukannya definisi atau tatakelakuan yang dikuatkuasakan tetapi amat digalakkan untuk mengikutinya sebagai garis panduan amalan baik yang membentuk tenaga kerja renjer yang efektif dan profesional.

## Penghasilan Tatakelakuan

Dokumen ini dihasilkan pada tahun 2020 oleh Persekutuan Renjer Antarabangsa (IRF) selepas proses rundingan berulang kali dan secara global dengan persatuan renjer, majikan renjer, badan kerajaan negara dan daerah, pertubuhan hak asasi manusia dan lain-lain pihak berkepentingan yang berkenaan. Fasa rundingan pertama mengumpulkan 177 respons dari 51 buah negara, mewakili 663 orang, sementara fasa rundingan kedua menerima 620 respons dari 41 buah negara dan mewakili 1,157 orang. Semua komen dan respons telah dikumpul semak, diterjemah, disemak semula dan disampaikan oleh penulis, dengan semua komen dan tindakan bersesuaian dicatatkan untuk rekod pada masa hadapan. Laporan terperinci tentang proses penghasilan telah disediakan secara berasingan.

Definisi dan tatakelakuan ini boleh didapati secara percuma dalam bentuk templat yang berfungsi, yang diatur oleh IRF. Templat ini akan disemak semula dengan kerap. Sebarang komen atau suntingan yang dicadangkan boleh dihantar kepada [president@internationalrangers.org](mailto:president@internationalrangers.org).

### **Sokongan teknikal dalam penyelidikan, penyediaan draf, rundingan dan suntingan telah disediakan oleh**

Chris Gordon, Conservation Alpha

Chris Galliers, Persekutuan Renjer Antarabangsa

Rohit Singh, Tabung Alam Sedunia

Mike Appleton, Suruhanjaya Dunia bagi Pemuliharaan Kawasan Terlindung & Hidupan Liar Global IUCN

Ruben de Kock, Pelatih Renjer Bebas

### **Data serantau diselaraskan oleh**

Ana Julia Gomez (Argentina/Amerika Selatan)

Renata Cao (Mexico/Amerika Tengah)

Leonel Pereira (Costa Rica/Amerika Tengah)

Werhner Montoya (Peru/Amerika Selatan),

Craig Hay (Afrika Selatan/Afrika)

Drew McVey (Kenya/Afrika)

Alain Ononino (Cameroon/Afrika)

Amon Koutoua (Ivory Coast/Afrika)

Diwakar Chapagain (Nepal/Asia)

Joydeep Bose (India/Asia)

Crispian Barlow (Laos/Asia)

Petikan. Persekutuan Renjer Antarabangsa (2021). Tatakelakuan Renjer. Versi 1.0. Persekutuan Renjer Antarabangsa, Victoria, Australia

# Kandungan

---

Kata Pengantar .....	4
Pesanan daripada Jabatan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu untuk Hak Asasi Manusia .....	5
Definisi Renjer .....	6
Nilai-nilai Renjer .....	7
Tatakelakuan .....	8
Lampiran: Istilah .....	10



Renjer melakukan pengurusan kebakaran di Brazil © Day's Edge Productions / WWF-US

# Kata Pengantar

Di Kongres Renjer Dunia kedua (San José, Costa Rica 1997) Persekutuan Renjer Dunia menetapkan bahawa Tatakelakuan diperlukan dalam perkhidmatan sektor renjer di seluruh dunia.

Sementara ia dihasilkan, ia tidak pernah diambil dan digunakan seperti yang diinginkan untuk kegunaan Tatakelakuan (CoC) baharu. Sebagai keperluan untuk memprofesionalkan renjer dan sebagai hasil permintaan Deklarasi Chitwan (2019), IRF, dengan sokongan daripada ahli Perikatan Sokongan Renjer Sejagat (URSA), melakukan penghasilan Tatakelakuan Renjer Global Baharu ini.

Selepas proses selama enam bulan, dengan pendapat daripada pelbagai renjer di seluruh dunia, kami yakin bahawa Tatakelakuan Renjer Global Baharu ini adalah tatakelakuan yang dihasilkan oleh renjer untuk renjer dan akan diubah suai menurut konteks daerah dan negara. Ia juga akan meningkatkan nilai utama dan kepercayaan dalam kerjaya renjer melalui prinsip-prinsip yang menggariskan norma dan tanggungjawab tingkah laku atau amalan yang baik, bagi renjer secara individu, majikan atau pertubuhan pemberi dana. Ia akan menjadi dokumen yang terus dirujuk di mana ITF akan mengambil sebarang pendapat yang diterima dalam proses semakan semula tahunan untuk memastikan bahawa ia kekal relevan.

**Chris Galliers**

**Presiden Persekutuan Renjer Antarabangsa**

## TUJUAN UTAMA TATAKELAKUAN:

- Membina dan menguatkan reputasi serta pemahaman dalam sektor ini.
- Memberi rangka kerja operasi untuk renjer dan penyokong dana kerjaya ini.
- Membantu untuk membimbing renjer, majikan renjer dan penyokong yang berkemungkinan untuk membuat keputusan yang lebih baik.
- Menggalakkan perlaksanaan amalan baik yang diterima di seluruh dunia dan boleh menyumbang untuk mencegah renjer daripada menyalahi undang-undang dan peraturan.

“Suruhanjaya Dunia bagi Kawasan Terlindung IUCN mengalu-alukan tatakelakuan baharu untuk renjer ini dan proses rundingan ekstensif yang telah dilakukan di seluruh dunia untuk menghasilkannya. Nilai yang dikongsi dan standard kelakuan yang dihasilkan akan membantu untuk menyatukan renjer sebagai individu yang bertanggungjawab, boleh diharap dan individu serta pasukan yang dihormati, yang bekerja di barisan hadapan pemuliharaan di seluruh dunia untuk memberi manfaat kepada alam semula jadi dan manusia”.

**Dr Kathy MacKinnon**

**Pengerusi – Suruhanjaya Dunia bagi Kawasan Terlindung IUCN**



Renjer berehat sebentar ketika rondaan, DRC © Chris Gordon / Conservation Alpha

# Pesanan daripada Jabatan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu untuk Hak Asasi Manusia

---

Rasa hormat bagi hak asasi manusia dan melindungi biodiversiti melalui pemuliharaan adalah pendekatan yang saling diperkukuhkan. Pemuliharaan tidak akan berjaya tanpa rasa hormat bagi hak asasi manusia dan begitu juga keseronokan sebenar bagi hak asasi manusia bergantung pada perlindungan biodiversiti dalam ekosistem kita. Renjer hidupan liar mempunyai tugas penting dalam perkara ini untuk merapatkan jurang dan membina kepercayaan antara pekerja dan komuniti pemuliharaan. Dalam konteks ini, penghasilan model Tatakelakuan untuk renjer hidupan liar adalah amat dialu-alukan. Tatakelakuan ini akan membantu untuk menginstitusikan dan memprofesionalkan tugas renjer hidupan liar. Tatakelakuan ini akan menyumbang untuk terus menambah baik polisi dan panduan sedia ada, serta memberi rangka rujukan kepada institusi renjer hidupan liar yang menggariskan nilai dan tingkah laku yang baik bagi renjer, termasuk dalam bidang yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Tatakelakuan ini direka sebagai dokumen polisi utama yang menjelaskan dan menerangkan tanggungjawab seperti yang digariskan dalam instrumen hak asasi manusia antarabangsa dan negara. Ia menyampaikan tugas profesional renjer hidupan liar dalam istilah yang ringkas, termasuk cara untuk melaksanakan tanggungjawab hak asasi manusia mereka, dan akan membentuk bahagian utama dalam rangka kerja latihan renjer hidupan liar. Namun begitu, penyesuaian dan penerimaan model Tatakelakuan ini adalah penting sebagai sebahagian daripada proses perundingan termasuk renjer hidupan liar dan rakan kongsi untuk memastikan kesesuaian dan pemilikan setempat.

Namun begitu, penerimaan Tatakelakuan ini sahaja tidak akan mencipta rangka kerja polisi institusi yang diperlukan untuk membimbing renjer hidupan liar. Tatakelakuan ini perlu dilengkapi dengan panduan yang lebih terperinci untuk bidang fungsian spesifik di mana renjer hidupan liar mempunyai kuasa penguatkuasaan undang-undang khas seperti penggunaan kekerasan dan penahanan. Bagi bidang ini, amat penting untuk menghasilkan prosedur operasi standard yang spesifik.

Bagi mengoperasikan dan melengkapkan Tatakelakuan ini, amat penting untuk memastikan bahawa ia merupakan sebahagian daripada sistem kebertanggungjawaban yang lebih besar yang melibatkan pemeriksaan serta keseimbangan dalaman dan luaran. Sistem tersebut akan membantu untuk membimbing renjer hidupan liar dalam menjalankan tugas mereka menurut undang-undang negara dan antarabangsa serta standard tertinggi dalam profesionalisme dan integriti. Elemen yang penting bagi kebertanggungjawaban institusi adalah penyelia perlu memastikan bahawa renjer hidupan liar bertanggungjawab sepenuhnya untuk tindakan mereka, termasuk berkenaan hak asasi manusia. Tatakelakuan ini harus dikaitkan dengan sistem disiplin dalaman. Dalam beberapa situasi, pelanggaran Tatakelakuan ini bukan hanya melanggar polisi dalaman institusi tetapi turut melanggar undang-undang negara dan antarabangsa. Dalam kes sebegini, institusi renjer perlu bekerjasama dengan pendakwa atau mekanisme kebertanggungjawaban luaran yang lain untuk menyiasat jenayah yang didakwa.

Kepatuhan terhadap piawaian profesional yang ditetapkan dalam Tatakelakuan ini juga harus diiktiraf dalam penilaian prestasi tersendiri bagi renjer. Pematuhan hak asasi manusia yang selaras dengan Tatakelakuan ini dan piawaian hak asasi manusia yang lain juga harus menjadi syarat untuk kemajuan kerjaya.

Jabatan Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia sentiasa bersedia untuk menasihatkan institusi renjer hidupan liar tentang cara terbaik untuk memenuhi keperluan bagi menghormati, melindungi dan memenuhi hak asasi manusia.

**Johan Olhagen**

**Pegawai Hak Asasi Manusia**

**Bahagian Polisi Global dan Metodologi, Pendidikan dan Latihan Pasukan Keselamatan**

**Jabatan Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia**

# Definisi Renjer

Terdapat pelbagai gelaran kerja yang digunakan di seluruh dunia, semuanya sesuai dengan definisi istilah "Renjer". Kami telah mengenal pasti beberapa gelaran tambahan, yang disenaraikan dalam lampiran. Bagi dokumen ini, istilah renjer akan digunakan untuk merujuk sebarang gelaran kerja yang bersesuaian.

Renjer memainkan peranan penting dalam pemuliharaan; mereka bertanggungjawab untuk melindungi alam sekitar, serta warisan budaya dan sejarah, dan melindungi hak serta kesejahteraan generasi terkini dan masa akan datang. Sebagai wakil badan berkuasa, pertubuhan atau komuniti mereka, mereka bekerja, selalunya pada tempoh yang panjang, di kawasan terlindung dan terpelihara serta landskap dan pandangan laut yang lebih luas, sama ada milik negara, daerah, komunal, asli, atau persendirian, selaras dengan rangka kerja undang-undang dan institusi. Mereka harus berdedikasi dan berpengetahuan, serta harus sentiasa bertindak secara profesional.

## Renjer memberi gabungan perkhidmatan, yang mungkin termasuk:

- Melindungi, memulihara dan mengembalikan nilai-nilai semula jadi dan budaya di kawasan terlindung dan terpelihara serta landskap dan pandangan laut yang lebih luas
- Menkuatkuasakan undang-undang berkaitan, mengekalkan integriti kawasan, memastikan pematuhan dan menguruskan pelawat
- Mengekalkan persekitaran yang selamat dan seimbang untuk komuniti dan hidupan liar
- Membina dan mengekalkan percakapan serta hubungan yang saling mempercayai dan menghormati dengan pihak berkepentingan utama
- Memperkasakan, bekerjasama, melibatkan dan menyokong penduduk asli dan komuniti setempat
- Memberi pendidikan dan kesedaran kepada komuniti, pelawat, generasi yang lebih muda dan masyarakat
- Memeriksa dan menyelidik hidupan liar, habitat, dan ciri-ciri kepentingan budaya serta sejarah
- Menguruskan dan mengawal risiko alam sekitar, serta memberi bantuan semasa kecemasan



Gambar (dari atas ke bawah): Memasang perangkap kamera hutan, Thailand © Panthera; Meronda kawasan terlindung di laut, Thailand © Panthera; Renjer Mergastua membantu badak sumbu putih semasa rawatan, Afrika Selatan © Chris Galliers

# Nilai-nilai Renjer

Renjer harus berusaha untuk mendukung nilai-nilai berikut dalam kerja dan kehidupan peribadi mereka.

Renjer harus bertindak sebagai model peranan dan duta untuk kerjaya mereka, alam sekitar, dan orang yang bergantung pada sumber-sumber ini. Selalunya, mereka adalah "wajah" alam semula jadi. Mereka harus berasa bangga, berdedikasi dan bersungguh-sungguh tentang kerja mereka, bersedia apabila terdapat panggilan tugas, dan berbelas kasihan terhadap alam semula jadi serta orang yang berinteraksi dengan mereka.

## Nilai-nilai Semula Jadi dan Budaya

Kesejahteraan manusia berkait secara langsung dengan alam semula jadi. Renjer perlu menghormati dan memelihara nilai-nilai semula jadi dan budaya di kawasan tempat kerja mereka, lalu menggalakkan semua orang untuk melakukan perkara yang sama. Mereka harus memahami bahawa generasi terkini dan masa akan datang berhak untuk mengetahui, menikmati dan memanfaatkan alam semula jadi.

## Prinsip dan Kebertanggungjawapan

Renjer harus berpegang teguh pada prinsip hak asasi manusia dan etika. Mereka tidak korup, dan harus bertindak dengan adil, saksama dan toleransi. Mereka tidak boleh mendiskriminasi, menyalah guna, menakutkan atau mengganggu yang lain. Renjer menghormati jantina, usia, kemampuan, kaum, taraf sosioekonomi atau etnik, orientasi seksual, dan kepercayaan agama atau tiada kepercayaan agama.

Renjer harus bertindak selaras dengan undang-undang berkaitan, piawaian profesional, nilai dan garis panduan. Mereka bertanggungjawab untuk tindakan mereka dan perlu bersikap jujur dalam menjalankan tugas mereka.

## Kecemerlangan

Renjer harus memaparkan sikap positif dan proaktif serta mempunyai tingkah laku yang peramah, jujur, profesional, dan bertanggungjawab. Mereka haruslah jujur, ikhlas, boleh dipercayai dan merendah diri. Mereka perlu bertindak dengan integriti dan tidak menyalahgunakan jawatan mereka. Mereka harus mengakui kesalahan dan memperbetulkannya. Mereka merupakan kebanggaan bagi pertubuhan mereka, semasa sedang bekerja atau tidak bekerja.

Renjer haruslah berkebolehan dan serba boleh, serta menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk

membantu memelihara alam sekitar dan melindungi komuniti yang bergantung padanya, menjalankan tugas mereka pada standard tertinggi. Mereka harus mempunyai matlamat untuk terus mengembangkan pengetahuan dan kemahiran mereka serta mengongsikannya dengan rakan sekerja dan pihak berkepentingan yang lain.

## Kerjasama, Kesetiaan dan Kepimpinan

Tenaga kerja renjer adalah lebih berkesan melalui kerja berpasukan dan kerjasama. Renjer harus berdisiplin dan setia terhadap rakan sekerja serta pegawai kanan mereka, pertubuhan dan komuniti perkhidmatan mereka, serta alam sekitar yang mereka lindungi, melainkan ia menjejaskan integriti mereka, atau membawa kepada kesan-kesan teruk yang lain.

Renjer dan institusi harus memberi inspirasi kepada rakan sekerja dan yang lain dengan mendukung nilai-nilai renjer, memimpin melalui teladan, melayan setiap orang dengan sama, menyokong dan menjadi mentor, serta membolehkan percakapan terbuka dan berkesan untuk membina budaya pertubuhan yang berpegang pada nilai-nilai ini.

## Rasa Hormat

Renjer harus melayan orang awam, rakan sekerja, komuniti dan pihak berkepentingan yang lain dengan rasa hormat dan berbudi bahasa sementara masih mendukung undang-undang. Mereka harus mengekalkan hubungan yang baik dan positif dengan penduduk asli dan komuniti setempat, membina kepercayaan melalui percakapan yang jelas dan menghargai hak-hak komuniti serta individu, budaya, adat, pengetahuan, dan punca pendapatan.

Renjer harus mengendalikan maklumat dengan rasa hormat dan hanya mendedahkannya apabila perlu dalam keadaan yang baik bagi tugas mereka.

## Keselamatan

Renjer harus bertindak sambil menghormati keselamatan mereka sendiri, dan keselamatan orang lain, serta tidak mengambil risiko yang tidak diperlukan. Renjer mengekalkan keselamatan operasi untuk melindungi diri mereka, rakan sekerja mereka, dan pertubuhan.

## Ketabahan

Renjer haruslah berani dalam tugas mereka walaupun terdapat bahaya, kritikan, atau ugutan. Kadangkala keberanian menyebabkan seseorang perlu keluar daripada situasi yang berbahaya. Mereka harus bertindak dengan baik jika tindakan orang atasan, rakan sekerja atau pihak berkepentingan bercanggah dengan nilai-nilai atau tatakelakuan renjer.

# Tatakelakuan

## SILA AMBIL MAKLUM:

Tatakelakuan ini telah ditulis dalam kala kelak untuk menunjukkan komitmen bagi membimbing seseorang berdasarkan Tatakelakuan ini. Tatakelakuan ini direka untuk memberi inspirasi kepada renjer ke arah kecemerlangan. Ia telah ditulis berdasarkan semua peranan renjer. Namun begitu, beberapa bahagian mungkin tidak sesuai untuk semua renjer. Kumpulan renjer boleh mengubah suai Tatakelakuan ini untuk membuang bahagian yang tidak berkaitan. Contohnya, ramai renjer tidak menggunakan senjata api, jadi bahagian itu boleh dibuang.

**Saya komited untuk sentiasa mengikuti Tatakelakuan berikut:**

Sebagai seorang Renjer, saya mempunyai tugas yang penting dalam melindungi dan memelihara alam semula jadi serta warisan budaya di tempat kerja saya untuk generasi terkini dan masa akan datang; inilah peranan dan objektif utama saya. Sebagai seorang duta, saya akan mengikuti nilai-nilai renjer, menghormati kerjaya saya dan mendukung undang-undang berkaitan, piawaian profesional dan garis panduan pada sepanjang masa.

## Profesionalisme

Soy profesional y me enorgullece ser un(a) guardaparque. Saya adalah seorang profesional dan bangga untuk menjadi renjer. Saya akan menghormati dan mengikuti arahan yang sah di sisi undang-undang daripada pegawai kanan kepada saya dan akan sentiasa menjalankan tugas saya dengan tekun dan sebaik-baiknya. Saya akan memastikan bahawa saya memahami tugas saya dan sebarang arahan yang diberi kepada saya. Saya akan sentiasa mencuba untuk mengembangkan pengetahuan saya dan mengaplikasikannya dalam kerja saya. Saya akan bertanggungjawab untuk tindakan saya, dan bertindak dengan jujur, integriti, dan sikap yang positif, walaupun dalam situasi yang sukar. Sebagai sebahagian daripada pasukan, saya akan setia terhadap rakan sekerja saya, pertubuhan saya dan persekitaran serta komuniti tempat saya bekerja. Saya memahami bahawa apa-apa kelakuan tidak profesional oleh saya akan menyebabkan risiko keselamatan, reputasi atau undang-undang ke atas saya, rakan sekerja saya dan pertubuhan saya.

Saya akan berkelakuan profesional dan saling menghormati. Saya akan menerapkan hubungan yang aman dan positif dengan komuniti, menghormati budaya, adat, hak, punca pendapatan, dan pengetahuan. Saya akan mengekalkan percakapan yang jelas, terbuka, dan berkesan dengan semua pihak berkepentingan, serta bertindak sewajarnya untuk membina kepercayaan.

Saya akan mematuhi kod seragam pertubuhan saya dan memastikan penggunaan yang efisien bagi sumber dan aset pertubuhan.

## Hak Asasi Manusia dan Maruah

Saya akan menghormati maruah manusia dan mendukung hak asasi manusia bagi semua orang, berdasarkan Deklarasi Bangsa-bangsa Bersatu tentang Hak Asasi Manusia. Saya akan melayan semua orang dengan rasa hormat yang sama dan adil tanpa nepotisme atau pilih kasih. Saya tidak akan mendiskriminasi, mengganggu atau menganiyai orang di bawah apa-apa keadaan, sama ada secara fizikal atau lisan. Saya akan menghormati jantina, usia, kemampuan, kaum, taraf sosioekonomi atau etnik, orientasi seksual, dan kepercayaan agama atau tiada kepercayaan agama. Saya tidak akan bertoleransi terhadap tindakan oleh orang lain yang melanggar hak asasi manusia bagi sesiapa sahaja, dan akan melaporkan sebarang pelanggaran atau kesalahan kepada badan berkuasa berkenaan.

## Integriti dan Ketelusan

Saya akan mengelakkan situasi di mana kepentingan peribadi, komuniti atau lain-lain bercanggah dengan tugas saya, dan akan mengisytiharkannya jika ia berlaku. Saya tidak akan menerima atau menawarkan manfaat, bantuan atau kelebihan lain yang akan menjejaskan peranan saya.

Saya tidak akan melakukan atau bersubahat dalam jenayah dan tidak akan berpakat dalam tingkah laku haram. Saya akan sentiasa menentang korupsi, termasuk rasuah untuk mendapatkan layanan utama, maklumat atau mengabaikan atau bersubahat dalam aktiviti jenayah. Saya akan melaporkan sebarang aktiviti haram sebegitu kepada pihak berkuasa berkenaan.

## Kesahan

Saya akan membiasakan diri dan mematuhi undang-undang serta peraturan berkaitan kerja dan kelakuan saya. Saya hanya akan memberi dan menjalankan arahan yang mematuhi undang-undang. Saya akan menghalang sebarang pelanggaran undang-undang dan peraturan semampunya, serta mengendalikannya berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan dan kuasa serta tanggungjawab saya.

## Kerahsiaan

Saya tidak akan mendedahkan sebarang maklumat sensitif berkenaan kerja saya kepada orang tanpa kebenaran. Saya akan mengikuti semua arahan berkaitan maklumat yang dianggap rahsia, melainkan amat diperlukan oleh tugas saya atau diperlukan demi keadilan.

## Keselamatan

Dalam semua tindakan saya, saya akan melakukan yang terbaik untuk memastikan keselamatan saya, rakan sekerja saya, persekitaran saya, Penduduk Asli dan komuniti setempat serta pelawat. Saya akan berusaha untuk menjadi cergas dari segi fizikal dan mental untuk menjalankan tugas saya. Saya tidak akan pernah menggunakan bahan haram atau memabukkan atau alkohol semasa sedang bertugas.

## Respons terhadap Pelanggaran Tatakelakuan ini

Saya akan melaporkan, mencabar atau bertindak, menurut prosedur yang telah ditetapkan jika tingkah laku rakan sekerja atau orang lain dalam pertubuhan saya bercanggah dengan nilai-nilai atau Tatakelakuan renjer. Saya menjangka perkara yang sama daripada rakan sekerja saya jika tindakan saya berada dalam piawaian ini.

**Peranan Renjer dan Penguatkuasaan Undang-undang – Untuk Disertakan seperti yang Diperlukan – PERKARA BERIKUT ADALAH UNTUK PANDUAN SAHAJA**

Renjer harus mematuhi prinsip PBB, undang-undang negara dan peraturan pertempuran pertubuhan di dalam negara di mana mereka beroperasi.

## Penggunaan Kekerasan

Matlamat utama saya adalah untuk berkomunikasi dan terlibat secara proaktif untuk mengubah tingkah laku mereka yang melanggar undang-undang atau peraturan. Saya hanya akan menggunakan kekerasan sebagai cara terakhir. Ini akan menjadi kekerasan minimum yang diperlukan untuk menjadikan sesuatu situasi itu selamat dan akan sentiasa bersesuaian dengan cabaran yang saya hadapi semasa saya menjalankan tugas saya dalam undang-undang. Saya bertanggungjawab untuk apa-apa penggunaan kekerasan dan perlu mempertimbangkannya sebelum apa-apa tindakan.

## Perlindungan Manusia

Saya akan memastikan hak dan kesejahteraan orang dalam tahanan saya. Saya tidak akan menahan orang secara sembarangan atau menyebabkan atau membiarkan seksaan atau layanan atau hukuman yang teruk, tidak berperikemanusiaan atau yang menjatuhkan maruah.

## Senjata Api

Saya akan memastikan bahawa saya mengetahui dan menghormati semua undang-undang dan prosedur berkenaan senjata api. Saya akan dibenarkan dari segi undang-undang untuk menyimpan sebarang senjata api yang diberi kepada saya, dan saya hanya akan bertindak dalam mandat saya. Pada sepanjang masa, saya akan sama ada memegangnya dengan saya atau memastikan ia berada di tempat yang selamat. Saya harus dilatih dalam penggunaan dan penyelenggaraannya yang selamat.

Saya hanya akan menggunakan senjata api menurut prosedur yang telah ditetapkan untuk pengurusan dan kawalan haiwan, atau dalam mempertahankan diri atau mempertahankan orang lain apabila berada di ambang maut atau kecederaan serius. Saya hanya akan menggunakan kekerasan berbahaya secara sengaja dengan senjata api terhadap manusia jika ia amat diperlukan untuk melindungi nyawa. Saya bertanggungjawab untuk semua tindakan saya dan perlu mempertimbangkan pilihan yang kurang berbahaya sebelum saya bergantung padanya untuk menggunakan kekerasan.

## Rujukan

Untuk mana-mana renjer tanpa peraturan pertempuran atau prosedur operasi standard, kami memberi rujukan prinsip PBB tentang penggunaan kekerasan dan senjata api kepada anda, termasuk senjata dan amunisi yang kurang berbahaya:

<https://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/useofforceandfirearms.aspx>

[https://www.ohchr.org/Documents/HRBodies/CCPR/LLW\\_Guidance.pdf](https://www.ohchr.org/Documents/HRBodies/CCPR/LLW_Guidance.pdf)

dan piawaian Hak Asasi Manusia Antarabangsa PBB untuk penguatkuasaan undang-undang:

<https://www.ohchr.org/Documents/Publications/training5Add1en.pdf>

# Lampiran: Istilah

---

Terdapat pelbagai gelaran kerja yang digunakan di seluruh dunia, semuanya sesuai dengan definisi istilah "Renjer". Kami telah mengenal pasti beberapa gelaran tambahan di bawah. Kami menyedari senarai ini tidak menyeluruh, terutamanya contoh gelaran yang bukan dalam Bahasa Inggeris.

Sila hantar contoh selanjutnya kepada [president@internationalrangers.org](mailto:president@internationalrangers.org)

## Gelaran Biasa yang Lain:

Penjaga Mergastua Komuniti; Renjer Komuniti; Peninjau Komuniti; Peninjau Hidupan Liar Komuniti; Renjer Pemuliharaan; Pegawai Pemuliharaan; Pegawai Lapangan; Renjer Lapangan; Penjaga Hutan; Renjer Hutan; Pegawai Kehutanan; Pegawai Perhutanan; Renjer Mergastua; Peninjau Mergastua; Renjer Taman Marin; Renjer Taman Negara; Pemelihara Alam Semula Jadi; Pengawal Taman; Renjer Taman; Renjer; Pegawai Renjer; Peninjau; Peninjau Desa; Warden; Pengawal Hidupan Liar; Pegawai Hidupan Liar; Renjer Hidupan Liar; Peninjau Hidupan Liar.

## Contoh Gelaran Bukan Bahasa Inggeris:

<b>Bahasa:</b>	Pemantau Hijau; Pengendali Ekosistem Hutan; Polisi Hutan; Polisi Kehutanan.
<b>Republik Czech:</b>	Strážce Přírody.
<b>Bahasa Perancis:</b>	Ecogarde; Forest Ecogarde.
<b>Bahasa Jerman:</b>	Naturwacht; Parkwächter; Reservatsaufseher; Schutzgebietsbetreuer; Waldmeister; Wildhüter.
<b>Bahasa Indian:</b>	Mahout.
<b>Bahasa Itali:</b>	Guardia Forestale
<b>Bahasa Melayu:</b>	Pengawal Keselamatan Hidupan Liar; Pengawal Keselamatan Hutan; Peronda Hutan.
<b>Bahasa Filipina:</b>	Bantay Gubat; Bantay Dagat; Bantay Kalikasan.
<b>Bahasa Portugis:</b>	Vigilante da Natureza
<b>Republik Slovakia:</b>	Strážca Prírody.
<b>Bahasa Sepanyol:</b>	Agente Medioambiental; Guardabosque; Guardafauna; Guardambientes; Guardaparamos; Guardaparque; Guardarecursos; Guardian del Ambiente; Guardianes de la Naturaleza; Vigilantes.
<b>Bahasa Swahili:</b>	Askari.
<b>Bahasa Vietnam:</b>	Kiểm lâm.

## Gelaran Tambahan:

Penasihat; Ejen; Pegawai Kehutanan Agro; Juruanalisis; Pegawai Pemeliharaan Haiwan; Pengesan Haiwan; Renjer Ketua Kawasan; Pengawal Kawasan; Pegawai Kawasan; Penjaga Biodiversiti, Pengemudi Bot; Renjer Penglibatan Komuniti; Penjaga Komuniti; Komander Syarikat; Ejen Pemuliharaan; Pembantu Pemuliharaan; Renjer Majlis; Renjer Kawasan Desa; Kurator; Pemeriksa Eko; Pengendali Gajah; Renjer Penguatkuasaan; Pemeriksa Pengurusan Alam Sekitar; Renjer Alam Sekitar; Ejen Alam Sekitar; Pegawai Pematuhan Alam Sekitar; Ketua Alam Sekitar; Pengendali Alam Sekitar; Ejen Pemuliharaan Alam Sekitar; Pelindung Alam Sekitar; Renjer Taman Penyokong Pengembangan; Pegawai Perkhidmatan Lapangan; Penyelia Lapangan; Juruteknik Lapangan; Pegawai Pengurusan Kebakaran; Pegawai Perlindungan Kebakaran; Pemerhati Kebakaran; Pegawai Kawasan Hutan; Pegawai Pemeliharaan Hutan; Juruteknik Ekosistem Hutan; Ketua Hutan; Pegawai Hutan; Peronda Hutan; Pegawai Kawasan Hutan; Pegawai Bahagian Hutan; Warden Hutan; Pemerhati Hutan; Ejen Perhutanan; Juruteknik Perhutanan; Kakitangan Barisan Hadapan; Pegawai Mergastua; Pemerhati Mergastua; Penjaga Mergastua; Pengawal; Pemeriksa Kawalan; Penjaga; Warden Kehormat; Renjer Tanah Penduduk Asli; Renjer Laut Penduduk Asli; Pemeriksa; Renjer Pentaksiran; Ejen Alam Persekitaran Semula Jadi; Duta Alam Semula Jadi; Penjaga Alam Semula Jadi; Renjer Taman Semula Jadi; Pegawai Perairan Dan Perhutanan Tidak Bertauliah; Pentafsir Taman; Ahli Alamiah Taman; Pembantu Taman Dan Hidupan Liar; Peronda; Komander Platun; Pemilik; Askar Simpanan Polis Negara Kawasan Terlindung; Operator Radio; Penyokong Pemuliharaan Bahagian; Pegawai Hutan Bahagian; Bahagian Bertugas; Pegawai Bahagian; Koperal Renjer; Renjer Bertugas; Ahli Alamiah Renjer; Sarjan Renjer; Ketua Pasukan Renjer; Penyelidik; Pengawal Hutan Simpan; Pakar Pengurusan Sumber; Pengawal Sumber; Ejen Pedalaman; Renjer Laut; Renjer Bahagian; Ejen Keselamatan Dan Pengawasan; Penyelia Lapangan Kanan; Renjer Kanan; Pemeriksa Negeri; Penyelia; Renjer Taman Sokongan; Pembantu Teknikal; Juruteknik; Pengesan; Renjer Taman Sukarela; Pemerhati; Pengawal; Penyokong Pemuliharaan Hidupan Liar; Penjaga Hidupan Liar; Pemeriksa Hidupan Liar; Peronda Hidupan Liar; Pegawai Polis Hidupan Liar; Penyelidik Hidupan Liar; Pemerhati Hidupan Liar.



Renjer Taman AS dan burung hantu screech, AS © Richard Siggins

Gambar muka hadapan (ikut arah jam dari kiri atas): Renjer di Latihan SMART, Filipina © James Slade/ GWC; Renjer marin di Kawasan Simpanan Marin Ponta do Ouro, Mozambique © Yayasan Peace Parks; Renjer di Taman Negara Copo, Argentina © Jason Houston / WWF-US; Renjer anti-pemburuan haram, Cameroon © Adam Smith/ ZSL; Memeriksa pertumbuhan pokok bakau baharu, Indonesia © James Slade/ GWC



Tatakelakuan Renjer dihasilkan oleh Persekutuan Renjer Antarabangsa dengan sokongan daripada:



[ursa4rangers.org](http://ursa4rangers.org)



[internationalrangers.org](http://internationalrangers.org)



[globalwildlife.org](http://globalwildlife.org)



[panda.org](http://panda.org)



[fauna-flora.org](http://fauna-flora.org)



[iucn.org/commissions/world-commission-protected-areas](http://iucn.org/commissions/world-commission-protected-areas)



[zsl.org](http://zsl.org)



[panthera.org](http://panthera.org)



[forcefornature.org](http://forcefornature.org)